

Langkah-langkah Memupuk Amalan Berjimat Cermat di Kalangan Rakyat

Amalan berjimat cermat kerap menjadi bahan (1 _____) masyarakat terutama pada musim perayaan. Amalan berjimat cermat di kalangan rakyat di negara kita masih lagi rendah dan perlu (2 _____) lagi. Amalan berjimat cermat banyak kebaikannya kepada kita dan negara. Pada pendapat saya jika amalan berjimat cermat tidak terus dipupuk, (3 _____) sikap boros akan menjadi budaya hidup masyarakat di negara kita. Terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan untuk memupuk amalan berjimat cermat di kalangan rakyat.

Langkah pertama ialah ibu bapa hendaklah memainkan peranan dengan (4 _____) amalan berjimat cermat di kalangan anak-anak. Sesungguhnya, peranan ibu bapa memang penting kerana masa anak-anak banyak dihabiskan bersama ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa mestilah mengamalkan sikap (5 _____) dalam kehidupan seharian dan setiap pembelian barangan hendaklah dirancang terlebih dahulu. Ibu bapa juga perlu menunjukkan contoh yang baik dalam penggunaan elektrik, air dan telefon di rumah. Secara tidak langsung, anak-anak pasti akan (6 _____) untuk melakukan amalan berjimat cermat jika melihat ibu bapa berbuat demikian dalam kehidupan seharian.

Masyarakat juga turut (7 _____) memupuk amalan berjimat cermat di kalangan rakyat. Contohnya, jika masyarakat mengamalkan budaya berjimat cermat pasti generasi muda akan mengikut budaya tersebut. Selain itu, masyarakat juga perlu

menegur jika terdapat ahli masyarakat yang membazir dalam penggunaan elektrik dan air di tempat awam. Masyarakat juga hendaklah menegur golongan belia yang membazir masa dengan melepak di pusat-pusat membeli-belah. Jika masyarakat saling (8 _____) dan tegur-menegur dalam amalan berjimat cermat, pasti kehidupan harian masyarakat akan menjadi lebih (9 _____).

Selain itu, media massa juga boleh memainkan peranan dalam memupuk amalan berjimat cermat di kalangan rakyat. Hal ini demikian kerana peranan media massa dalam (10 _____) minda rakyat memang tidak dapat disangkal lagi. Oleh itu, media elektronik seperti television boleh mengadakan program yang berbentuk kempen amalan berjimat cermat. Saya yakin peranan yang dimainkan oleh media massa ini pasti akan dapat memupuk budaya berjimat cermat di kalangan rakyat.

Pihak kerajaan juga boleh (11 _____) amalan berjimat cermat di kalangan rakyat. Kerajaan berupaya menyemai amalan berjimat cermat kerana kerajaan mempunyai stesen televisyen sendiri iaitu RTM (Radio Televisyen Malaysia). Melalui stesen RTM, kerajaan boleh membuat program-program yang dapat (12 _____) amalan berjimat cermat di kalangan rakyat. Pihak RTM boleh memaparkan sikap atau amalan berjimat cermat yang patut dicontohi oleh rakyat. Dalam pada itu, kerajaan juga boleh menyemai amalan berjimat cermat di kalangan rakyat dengan menaikkan takrif penggunaan elektrik dan air jika ia digunakan secara berlebihan.

Pihak lain yang boleh memainkan peranan dalam memupuk amalan berjimat cermat ialah pihak sekolah. Tidak dapat (13 _____), masa pelajar banyak

dihabiskan di sekolah. Oleh itu, pihak sekolah boleh menjalankan aktiviti yang boleh menyemai amalan berjimat cermat di kalangan pelajar. Antara aktiviti tersebut ialah Program Kitar Semula, ceramah tentang kebaikan amalan menabung serta kempen penjimatan (14 _____) elektrik dan air. Pihak sekolah juga boleh menerapkan

amalan berjimat cermat dalam aktiviti kokurikulum yang diadakan.

Kesimpulannya, berjimat cermat merupakan satu sikap yang baik dan perlu diamalkan oleh setiap rakyat di negara ini. Budaya berjimat cermat ini perlu dipupuk sejak kecil lagi, seperti peribahasa Melayu, "jika mahu melentur buluh biarlah dari rebungnya". Jika perlu, denda patut dikenakan kepada pihak yang suka membazir kerana perbuatan membazir boleh menyebabkan kos hidup bertambah dan (15 _____) pihak lain. Pada pendapat saya, jika kita mahu menjadikan amalan berjimat cermat sebagai budaya hidup masyarakat, kita hendaklah berusaha kerana ia bukanlah sesuatu yang mudah. Oleh itu, jika semua pihak dapat bekerjasama dalam menyemai amalan berjimat cermat dalam kehidupan seharian, pasti negara akan bertambah makmur dan maju.

mempen garuhi 1	pengg unaan 2	meny emai 3	meny usah kan 4	terdoro ng 5
memapar kan 6	diperti ngkatk an 7	dinafi kan 8	meng ingati 9	perbinc angan 10
berseder hana 11	berkua liti 12	dikhu atiri 13	mene rapka n 14	berper anan 15